

**RCI: Saya tidak terbabit Projek IC, kata bekas setiausaha politik Dr M
Malaysian Insider
Aug 16 , 2013
OLEH LEE SHI-IAN**

Bekas setiausaha politik Tun Dr Mahathir Mohamad bersumpah di hadapan panel Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung pendatang haram di Sabah, hari ini bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pengetahuan atau pembabitan dengan Projek IC.

Tan Sri Abdul Aziz Shamsuddin yang kemudiannya menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 2004, berkata beliau hanya mendengar mengenai Projek IC melalui anaknya yang memberitahu namanya disebut ketika RCI.

"Saya tidak tahu apa-apa berkenaan dengan Projek IC selain dari yang saya baca dari akhbar. Saya tiada kena mengena dengannya atau agensi kerajaan yang dikaitkan dengan projek itu," katanya kepada panel lima orang RCI yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Sabah dan Sarawak, Tan Sri Steve Shim Lip Kiong.

"Ini adalah tuduhan tidak berasas dibuat terhadap saya. Bila saya bekerja di bawah Dr Mahathir dan kemudiannya sebagai menteri, saya hanya membuat kerja saya dan tidak jaga tepi kain orang," katanya. – 16 Ogos, 2013.

Abdul Aziz memberitahu Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu beliau dikenalkan kepada Dr Mahathir oleh bekas perdana menteri Tun Abdullah Badawi pada tahun 1970an.

Pada 1975, Dr Mahathir melantik Abdul Aziz sebagai pegawai khasnya, jawatan yang beliau pegang selama enam tahun.

Pada tahun 1981, Abdul Aziz dilantik sebagai setiausaha politik kepada Dr Mahathir, tahun sama bekas presiden Umno itu menjadi perdana menteri keempat Malaysia.

"Sebagai setiausaha politik kepada Dr Mahathir, saya akan bantu beliau di kawasan kerana jika beliau kalah, saya akan hilang kerja. Saya perlu pastikan beliau menang bukan sahaja di kawasannya akan tetapi sebagai presiden parti."

Abdul Aziz mengakui beliau menjalin hubungan dengan ramai tokoh Barisan Nasional (BN) termasuk bekas Ketua Menteri Sabah Tan Sri Joseph Pairin Kitingan. Kerja beliau adalah untuk mendapatkan maklumat di bawah dan sahkan sebelum memberitahu Dr Mahathir.

Beliau mengakui bekas pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sabah Abdul Rauf Sani pernah bertemunya beberapa kali di Kuala Lumpur. Salah satu daripadanya, Abdul Rauf mahu bertemu Dr Mahathir dan Abdul Aziz mengaturnya mesyuarat tersebut.

"Saya memberitahu Dr Mahathir Abdul Rauf mahu bertemunya dan beliau bersetuju. Selepas menemukan kedua-duanya, saya meninggalkan bilik itu tanpa bertanya kepada kedua-duanya kerana tidak mahu digelar menjaga tepi kain orang."

Abdul Aziz menafikan pertuduhan rumah di Jalan Kampung Pandan miliknya mengatakan ianya merupakan milik Royal Selangor Club. Menurutnya rumah tersebut terletak berhampiran dengan jalan berhampiran rumahnya.

Rumah tersebut dikatakan oleh Abdul Rauf menjadi lokasi di mana pegawai JPN diarahkan

untuk menandatangani borang permohonan HNR-1 untuk memberikan kad pengenalan biru kepada warga asing. Akan tetapi Abdul Aziz mengatakan beliau tidak pernah melihat sesiapa memproses kad pengenalan di lokasi itu. – 16 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rci-saya-tidak-terbabit-projek-ic-kata-bekas-setiausaha-politik-dr-m>